

Pesawah wajar dapat inisiatif hadapi musim panas berpanjangan

Oleh Prof Madya Dr Ahmad Zubir Ibrahim
bhrencana@bh.com.my



Pengarah Institut Kajian Kerajaan Tempatan, Pusat Pengajian Kerajaan, Universiti Utara Malaysia (UUM)

Negara sedang mengalami fasa Peralihan Monsun bermula Mac lalu dan dijangka berterusan hingga pertengahan Mei depan, sekali gus menandakan berakhirnya Monsun Timur Laut.

Kesan musim peralihan monsun menyebabkan cuaca panas berpanjangan dan hujan berkurangan, sekali gus berisiko mengakibatkan paras air sungai merosot serta empangan kering.

Ini menjadikan ketersediaan air untuk tujuan domestik dan bukan domestik sebagai isu kritikal kerana kuantiti air mentah boleh diolah akan berkurangan.

Penggunaan air di Semenanjung dan Wilayah Persekutuan secara purata meningkat 6.9 peratus untuk tempoh lima tahun, iaitu 2016 hingga 2020. Corak penggunaan domestik untuk tempoh itu lebih besar berbanding bukan domestik yang dipengaruhi faktor urbanisasi dan demografi.

Jika diperhatikan purata penggunaan air di negara ini ialah 230 liter perkapita sehari (LCD) sehari pada 2019 berbanding purata penggunaan air disyorkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), iaitu 160 LCD.

Ini menjadikan Malaysia berada di kedudukan pertama dalam penggunaan air paling tinggi dalam kalangan lapan negara Asia Tenggara; tempat ke-12 daripada 40 negara di Asia dan tempat ke-37 daripada 174 negara di dunia.

Penggunaan air tidak berhemah menyebabkan pembaziran, sekali gus meningkatkan permintaan bekalan. Sekiranya situasi luar jangka berlaku, ia akan mengakibatkan jumlah air bersih dan terawat tidak dapat dibekalkan bagi menampung keperluan asas penduduk.

Tambahan pula, peningkatan suhu berpanjangan turut memberi kesan kepada kedudukan rizab margin bekalan air terawat.

Tahap ketersediaan ini bukan hanya memberi kesan kepada penggunaan domestik, bahkan sektor pertanian, terutama padi yang memerlukan be-

kalan air berterusan bagi tujuan pengairan.

Kesan cuaca panas berpanjangan mengakibatkan tanaman tidak dapat dilaksanakan mengikut jadual. Tanah mula merekah susulan suhu panas tinggi hingga tidak dapat diusahakan optimum.

Kesan ini lebih dirasai di kawasan luar jelapang padi yang bergantung skim pengairan kecil dan air hujan sepenuhnya. Sistem saliran kering-kontang mengakibatkan tanah sawah di kawasan berkenaan tidak dapat diusahakan sepenuhnya.

Tidak mustahil, tanah sawah berkenaan tidak dapat diusahakan pada musim ini susulan masalah sumber pengairan.

Keadaan cuaca jejas sumber pendapatan

Peningkatan suhu dan cuaca panas berpanjangan memberi kesan dan memendekkan tempoh bekerja pesawah, sekali gus menjejaskan hasil pengeluaran dan sumber pendapatan mereka. Tambahan pula, kenaikan harga barang dan kos sara hidup terus menjadi cabaran sepanjang 2023.

Kenaikan kos sara hidup dan perubahan cuaca antara bentuk situasi mudah terancam selalu dihadapi pesawah. Situasi ini akan mengakibatkan ketidakcukupan pendapatan untuk menampung keperluan asas serta beban hutang bagi menampung kenaikan kos barangan, perkhidmatan dan keperluan harian meskipun pertumbuhan ekonomi domestik berkembang dengan baik.

Petanda tidak baik ini akan mendatangkan pelbagai implikasi buruk kepada psikologi, sosial, keselamatan

dan pengangguran yang diburukkan lagi dengan peningkatan suhu serta cuaca panas berterusan.

Bagi langkah jangka pendek, kerajaan mungkin boleh menimbangkan bayaran pindahan bagi mengurangkan tekanan dihadapi golongan ini. Namun untuk jangka panjang, mekanisme baharu dan pelan jaringan keselamatan sosial perlu dilakukan bagi mengurangkan kebergantungan kepada kerajaan.

Situasi dihadapi pesawah terutamanya dan golongan berpendapatan rendah B40 amnya memberi petunjuk tahap kesiapsiagaan mereka perlu diperingkatkan semaksimum mungkin bagi mengurangkan kesan situasi mudah terancam.

Ia seharusnya menjadi titik permulaan untuk merangka paradigma baharu bagi menghadapi situasi mudah terjejas di negara ini.

Bagi mengatasi isu ini berlarutan hingga menjelaskan kehidupan pesawah, golongan ini sepatutnya diberikan inisiatif untuk melakukan kerja sampingan lain dan tidak bergantung kepada tanaman padi semata-mata.

Kepelbagaian sumber pendapatan tanpa bergantung kepada sumber pendapatan utama akan membantu dan meningkatkan daya tahan golongan ini dalam berhadapan sebarang situasi luar jangka.

Berdasarkan beberapa kajian, golongan ini didapati tidak mempunyai simpanan dalam jangka panjang untuk tujuan kecemasan. Oleh itu, ilmu literasi kewangan perlu diterapkan untuk memastikan golongan pesawah berupaya menguruskan sumber kewangan dalam apa jua situasi.

